



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Pembiayaan Digital PKS 2026

Terma & Syarat

Kempen Pembiayaan Digital PKS 2026 ("Kempen") ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank"), dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2 di bawah) secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada **9 Februari 2026, jam 00:00:00 pagi (MYT)** dan berakhir pada **31 Mac 2026, jam 11:59:59 malam (MYT)** [termasuk kedua-dua tarikh] ("Tempoh Kempen").

2. Pelanggan yang Layak

- a. Kempen ini terbuka kepada perniagaan milikan tunggal, perkongsian, dan syarikat sendirian berhad (Sdn Bhd) yang didaftarkan di Malaysia.
- b. Pelanggan yang Layak merujuk kepada:
 - i. Pelanggan baharu atau sedia ada Maybank yang menerima kelulusan pembiayaan di bawah Pembiayaan Digital PKS Maybank dan amaun pembiayaan yang diluluskan telah berjaya dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/-i Perniagaan Maybank mereka dalam Tempoh Kempen; dan
 - ii. Pelanggan yang telah memberikan persetujuan untuk menerima kod promosi bagi tujuan penewasan hadiah.
- c. Mana-mana Pelanggan yang telah melakukan, disyaki telah melakukan, atau didapati telah melakukan apa-apa salah laku, penipuan atau perbuatan salah, atau yang berada dalam keadaan ingkar atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang mentadbir akaun, kemudahan dan/atau perkhidmatan mereka dengan Maybank pada bila-bila masa, adalah TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini.

3. Ganjaran, Mekanisme Kempen dan Syarat-Syarat

- a. Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausula 2(b) berhak untuk menerima ganjaran berikut:

- i. Satu (1) kod promosi bernilai RM199.90 bagi pembelian Maybank QRPay Soundbox ("Soundbox"), terhad kepada lima ratus (500) Pelanggan yang Layak pertama berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat; dan
- ii. Langganan percuma sehingga enam (6) bulan bagi Maybank SME Partner Tools, termasuk Autocount, Bukku, Financio, SQL, Kakitangan dan Mesinkira, tertakluk kepada terma dan syarat rakan penyelesaian (solution partner).

Nota:

1. *QRPay Soundbox ialah peranti yang memaklumkan perniagaan tentang pembayaran berjaya yang diterima melalui Maybank QRPay. Apabila pembayaran melalui DuitNow QR diterima, Soundbox akan mengumumkan amaun transaksi dalam bahasa yang dipilih serta memaparkannya pada skrin peranti.*
 2. *Maybank SME Partner Tools ialah rangkaian alat digital dan perkhidmatan rakan kongsi yang ditawarkan oleh Maybank Malaysia untuk membantu PKS mengurus perniagaan dengan lebih cekap, termasuk perisian perakaunan dan e-invois, sistem sumber manusia dan penggajian serta penyelesaian pembayaran/QR.*
- b. Pelanggan yang Layak akan menerima emel pemberitahuan ke alamat emel yang berdaftar dengan Maybank.
 - c. Pelanggan yang Layak mesti mengakses pautan URL yang diberikan dalam emel untuk mengesahkan minat mereka bagi menebus Soundbox atau melanggan SME Partner Tools.
 - d. Kod promosi untuk Soundbox akan dihantar melalui emel dalam tempoh lima belas (15) hingga dua puluh (20) hari bekerja dari tarikh Maybank menerima pengesahan daripada Pelanggan yang Layak.
 - e. Untuk menebus Soundbox, Pelanggan yang Layak mesti membelinya melalui platform Sama-Sama Lokal di aplikasi MAE dan memasukkan kod promosi semasa proses daftar keluar.
 - f. Kod promosi hanya sah untuk model Soundbox yang dijual oleh Naga Plus Resources (No. Pendaftaran: 202001041701) ("Naga Plus Resources") di bawah nama produk: **SME Digital Soundbox Offer (Eksklusif Kempen)**.
 - g. Penghantaran dan pemasangan Soundbox akan diuruskan sepenuhnya oleh Naga Plus Resources. Caj penghantaran adalah berbeza dan akan ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.

- h. Maybank bukan pembekal atau penyedia perkhidmatan bagi ganjaran yang ditawarkan dan tidak memberikan sebarang jaminan atau representasi, sama ada secara nyata atau tersirat, berhubung dengan kualiti, kebolehdagangan dan/atau kesesuaian untuk tujuan tertentu bagi ganjaran tersebut, serta tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecacatan atau apa-apa kerugian atau kerosakan lain yang mungkin dialami berkaitan dengan ganjaran tersebut. Sebarang pertikaian berhubung ganjaran yang disediakan oleh peniaga atau penyedia perkhidmatan hendaklah diselesaikan secara langsung antara Pelanggan Layak dan peniaga atau penyedia perkhidmatan berkenaan.
- i. Tempoh pemasangan adalah sehingga sepuluh (10) hari bekerja, tertakluk kepada ketersediaan stok dan lokasi pemasangan.
- j. Pelanggan yang Layak mesti menebus kod promosi pada atau sebelum 30 April 2026. Kod promosi yang telah tamat tempoh tidak akan diganti, dilanjutkan atau dikeluarkan semula.
- k. Untuk SME Partner Tools, rakan penyelesaian berkaitan akan menghubungi Pelanggan yang Layak melalui telefon untuk mengesahkan minat serta membantu mereka melalui proses permohonan dan pendaftaran pelanggan.

4. Terma dan Syarat Umum

- 4.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- 4.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

4.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

4.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

4.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggung terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.

4.6 Maybank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

4.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

4.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.